

SINAR HARIAN (27/12/2022) Page 2

MTUC gesa majikan telus laksana hak baharu pekerja

Pindaan baharu Akta Kerja akan bermula lima hari lagi selepas ditangguhkan September lalu

SHAH ALAM

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) meminta majikan melaksanakan Akta Kerja 1955 (Pindaan 2022) yang akan dikuatkuasakan bermula 1 Januari ini secara telus terutama membabitkan bayaran kerja lebih masa (OT) dan waktu rehat pekerja.

Presidennya, Mohd Effendy Abdul Ghani berkata, majikan tidak boleh melakukan manipulasi dalam pelaksanaan pindaan berkenaan.

"Kami gesa majikan tidak memanipulasi bayaran kerja lebih masa dan waktu rehat pekerja apabila pengurangan waktu kerja mingguan daripada 48 kepada 45 jam akan dilaksanakan nanti.

"Majikan perlu sedar bahawa ketelusan dalam menguatkuasakan pindaan akta itu akan turut memberi manfaat kepada mereka kerana ia akan meningkatkan produktiviti pekerja seterusnya meningkatkan pendapatan majikan sendiri," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Pada 26 Ogos lalu, Menteri Sumber Manusia ketika itu Datuk Seri M Saravanan mengumumkan penangguhan penguatkuasaan pindaan Akta Kerja 1955 yang sepatutnya berkuat kuasa 1 September 2022 kepada 1 Januari 2023.

Pengurangan waktu kerja mingguan itu membolehkan pekerja bergaji RM4,000 dan ke bawah layak mendapat bayaran kerja lebih

masa apabila kerja pada hari rehat, kerja pada cuti am, elaun syif dan faedah penamatan kerja.

Pindaan itu turut membabitkan aturan kerja fleksibel untuk pekerja, penambahan cuti bersalin daripada 60 hari ke 98 hari dan cuti paterniti untuk suami ditambah daripada tiga hari kepada tujuh hari.

Mohd Effendy menegaskan, secara keseluruhannya penguatkuasaan pindaan akta berkenaan akan mewujudkan situasi menang-menang antara pekerja, majikan dan negara.

"Ia akan menambah baik skop kebajikan dan perlindungan kepada pekerja. Pendapatan pekerja terutama B40 akan meningkat dan membantu mereka berdepan kos sara hidup yang tinggi ketika ini.

"Pengurangan waktu kerja kepada 45 jam seminggu dan aturan kerja fleksibel juga akan memberi impak secara terus



MOHD EFFENDY

dalam peningkatan produktiviti pekerja. Bila produktiviti meningkat, pendapatan majikan bertambah sekali gus dapat membantu memperkukuh ekonomi negara," ujarinya.

Jelas beliau, pengurangan waktu kerja mingguan itu memberi penanda aras baharu kepada negara untuk mengubah waktu kerja antarabangsa iaitu 40 jam seminggu.

"Dengan pengurangan waktu kerja ini juga ia dapat membantu pekerja mengurangkan stres di tempat kerja dan meningkatkan kualiti serta gaya hidup mereka.

"Kesemua pindaan yang dilakukan ini juga akan menarik minat lebih ramai rakyat untuk bekerja sektor swasta sekali gus mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja yang dialami ramai majikan ketika ini," ulasnya.

Sehubungan itu, Mohd Effendy berharap kerajaan dapat melakukan pemantauan untuk mengelakkan ada majikan yang culas, memanipulasi atau tidak menguatkuasakan pindaan Akta Kerja 1955 berkenaan.

Tegas beliau, mana-mana pekerja yang mendapati majikan mereka tidak menguatkuasakan pindaan terbabit juga perlu membuat aduan kepada pihak kerajaan supaya tindakan segera dapat diambil.

AKTA KERJA (PINDAAN) 2022

PINDAAN UTAMA

- Pengurangan tempoh waktu bekerja daripada 48 jam kepada 45 jam seminggu
- Penambahan cuti bersalin daripada 60 hari kepada 98 hari
- Cuti paterniti dinaikkan daripada tiga hari kepada tujuh hari
- Larangan diskriminasi dalam pekerjaan
- Pembayaran upah melalui bank/cek dan tunai.
- Pengiraan gaji tidak lengkap bulan.
- Aturan kerja fleksibel.
- Larangan buruh paksa.
- Mewajibkan keperluan mendapatkan kelulusan pengajian pekerja asing daripada Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja.
- Tuntutan kerja lebih masa untuk gaji RM4,000 ke bawah.
- Kontraktor untuk buruh mesti mengadakan kontrak dengan prinsipal.
- Tempoh perantisan minimum 6 bulan dan maksimum 24 bulan
- Notis kesedaran gangguan seksual.

LIPUTAN AKTA KERJA (PINDAAN 2022)

- Semua pekerja sektor swasta di Semenanjung Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan Labuan.

TARIKH KUAT KUASA

- Akta Kerja (Pindaan 2022) berkuatkuasa 1 Januari 2023.

TUJUAN PINDAAN

- Meningkatkan dan menambahbaik perlindungan dan kebajikan pekerja di negara ini.
- Memastikan peruntukan undang-undang perburuhan di negara ini selaras dengan standard antarabangsa.

PERLUASAN SKOP PERLINDUNGAN

- Semua pekerja sektor swasta yang memasuki kontrak perkhidmatan wajar dilindungi dan beroleh manfaat yang diperuntukkan di bawah Akta Kerja 1955.

